

Pekerjaan dan Kemajuan Tenaga Ra'ayat

I.—PENDAHULUAN

276. Usaha² mengadakan peluang² pekerjaan yang produktif ada-lah satu unsur penting dalam strategi Rancangan bagi menghapuskan kemiskinan dan membetulkan keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang di-kalangan kaum. Perkembangan pekerjaan dengan chepat ada-lah perlu untok membolehkan lebeh ramai orang² Melayu dan bumiputra² lain memasoki bidang pekerjaan yang moden untok membanyakkan pendapatan di-kawasan² luar bandar dan untok memberi kesan yang nyata terhadap penganggoran dan kemiskinan di-bandar².

277. Tugas mengadakan pekerjaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ada-lah satu chabaran yang besar kerana matlamat pekerjaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama telah tidak terchapai dan perkembangan tenaga buroh yang chepat di-jangka berlaku dalam tahun² tujuh-pulohan. Tugas ini bertambah rumit di-sebabkan perubahan² dari segi pelajaran tenaga buroh dan perlu-nya mengadakan peluang² pekerjaan yang lebeh produktif untok menchapai tujuan² menghapuskan kemiskinan dan membetulkan keadaan yang tidak sa-imbang di-kalangan kaum. Untok menghadapi tugas ini perkembangan ekonomi yang pesat dan langkah² dasar yang tertentu ada-lah di-perlukan supaya meninggikan kadar pekerjaan bagi tiap² ringgit yang di-laborkan. Di-samping itu, rancangan² pelajaran dan latehan harus di-bentok supaya dapat mengeluarkan kemahiran² baharu selaras dengan permintaan yang di-timbulkan oleh perkembangan ekonomi.

II.—KEADAAN TENAGA RA'AYAT SEKARANG

278. Maklumat² mengenai kedudukan tenaga ra'ayat maseh tidak menchukopi dan kurang tepat, terutama sekali bagi negeri² di-Malaysia Timor. Akan tetapi, ia-nya menchukopi untok mengesan sechara kasar

aliran perkembangan tenaga buroh dan pekerjaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama. Pada keseluruhannya, tenaga buroh di-Malaysia Barat bertambah lebeh kurang 15% dalam tahun² 1966-70, manakala pekerjaan di-anggar bertambah kira² 14%. Penganggoran di-anggarkan telah meningkat lebeh sedikit dari satu peratus kepada kira² 8% dari jumlah tenaga buroh dalam tahun 1970. Apabila di-kira aliran² kasar di-Malaysia Timor, ada-lah di-anggar bahawa 7.3% daripada jumlah tenaga buroh Malaysia menganggor dalam tahun 1970.

1. MALAYSIA BARAT

279. *Tenaga buroh.* Dalam Rancangan Malaysia Pertama, tenaga buroh di-Malaysia Barat dalam tahun 1965 telah di-anggarkan berjumlah 2,678,000 dan bertambah sa-banyak 2.7% sa-tahun dalam tahun² 1966-70. Maklumat² yang paling baharu di-terima menunjukkan bahawa tenaga buroh dalam tahun 1965 ada-lah lebeh banyak dan perkembangannya dalam tempoh yang sama ia-lah kira² 2.9% sa-tahun (*lihat* Jadual 7-2). Perkembangan yang pesat ini ada-lah hasil dari tambahan penduduk² dalam masa selepas perang; kesan²-nya kepada tenaga buroh telah mula di-rasai semenjak awal tahun² enam-pulohan tetapi menjadi lebeh jelas dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama.

280. Perkembangan tenaga buroh pada masa itu telah juga menunjukkan semakin banyak belia² memasoki tenaga buroh, umum-nya, lebeh berpelajaran dari masa² dahulu. Maklumat² bagi seluruh tempoh Rancangan itu tidak ada, tetapi maklumat² bagi tahun² 1957-67 ada-lah menchukopi untuk membuktikan tanda² perkembangan ini.

281. Belia² berumur antara 15 hingga 25 tahun merupakan lebeh dari 30% tenaga buroh. Perkembangan dalam bidang pelajaran dalam tahun² enam-pulohan, terutama-nya dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama, telah meninggikan lagi mutu tenaga buroh. Manakala kurang dari 60% daripada jumlah tenaga buroh dalam tahun 1957 mempunyai pelajaran asas, akan tetapi bahagian ini meningkat hampir 75% dalam tahun 1967. Bilangan buroh yang mempunyai persekolahan selama 10 tahun atau lebeh telah bertambah lebeh dari sa-kali ganda dalam masa sa-puluh tahun yang berkenaan.

282. *Pekerjaan.* Jumlah pekerjaan di-Malaysia Barat telah di-jangka meningkat dengan chepat-nya dalam tahun² 1966-70, memadai untuk memberi kerja kepada 377,000 orang tambahan tenaga buroh. Anggaran bagi tempoh ini menunjukkan bahawa manakala 350,000 pekerjaan telah di-adakan, kenaikan tenaga buroh berjumlah lebeh kurang 420,000 orang, ia-itu lebeh tinggi dari yang di-ramalkan.

283. Kadar kenaikan pekerjaan purata dalam tempoh ini ada-lah 2.6% sa-tahun (*lihat* Jadual 7-1). Jumlah pekerjaan yang di-adakan dalam kebanyakan bidang² ekonomi menepati atau melebehi matlamat² Ranchangan Malaysia Pertama, melainkan di-bidang pertanian. Bidang ini mempunyai lebih dari 52% jumlah pekerjaan dalam tahun 1965, tetapi chuma dapat mengadakan kurang daripada 30% pekerjaan² baharu. Kemerosotan kadar kenaikan pekerjaan di-bidang ini berlaku terutamanya oleh kerana sa-jumlah besar daripada pekerja² di-ladang² getah telah di-berhentikan. Dalam tahun² 1962-67 sahaja, seramai 54,000 pekerja, ia-itu hampir 20% dari jumlah pekerja di-ladang², telah di-berhentikan. Pengurangan pekerjaan ini membayangkan sedikit sa-banyak kemerosotan jumlah kawasan ladang getah dan juga usaha ladang² untuk menjimatkan kos pengeluaran. Sunggoh pun dalam jangka masa tersebut pengeluaran getah dari ladang² bertambah hampir 4% sa-tahun, jumlah luas ladang yang di-toreh telah kurang dari 1.32 juta ekar kepada 1.28 juta ekar. Lebih mustahak lagi, jumlah pekerja bagi tiap² 100 ekar yang di-toreh juga turun dari 21.7 kepada 18.1. Satu faktor lagi yang menyebabkan rendah-nya kadar pengambilan buroh ka-dalam bidang pertanian ia-lah kekurangan tanah yang di-majukan seperti di-terangkan dalam Bab IX. Pada keseluruhannya, pekerjaan² yang di-adakan dalam bidang pertanian ada-lah kurang dari matlamat yang di-tetapkan dalam Ranchangan sa-banyak kira² 60,000.

284. Bidang² perusahaan pembuatan dan perkhidmatan telah mengadakan sa-jumlah besar dari pekerjaan² baharu dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Perkhidmatan,² termasuk perdagangan, mengadakan hampir 50% dari pekerjaan² baharu, manakala perusahaan pembuatan mengadakan lebih dari 15% dan pembinaan hampir 4%. Kesemua bidang ini telah mengadakan lebih banyak pekerjaan dari yang sepatut-nya mengikut jumlah pekerjaan pada awal Ranchangan.

285. Jangkaan dalam Ranchangan bahawa dengan ada-nya perkembangan dan perubahan susunan ekonomi, akan timbul keperluan besar untuk mendapatkan tenaga ra'ayat yang tinggi taraf dan latehan-nya telah di-pastikan. Ekonomi telah dapat mengambil sa-jumlah besar dari tenaga ra'ayat yang muncul dan berpelajaran. Analisa² bagi tahun² 1957-67 menunjukkan bahawa pengambilan orang² yang mempunyai pelajaran selama 10 tahun atau lebih meningkat 7.3% sa-tahun, lebih dari dua kali kadar kenaikan jumlah pekerjaan. Sebalek-nya, jumlah pekerja yang tidak mempunyai pelajaran asas turun dari 39% daripada jumlah dalam tahun 1957 kepada 26% dalam tahun 1967. Dalam masa sa-puluh tahun

JADUAL 7-1

PEKERJAAN MENGIKUT SEKTOR, MALAYSIA BARAT, 1965-70*

Bidang	1965		1970		Tambahhan 1966-70 (000)	Kadar tambahan purata tahunan (%)	Sumbangan kapada pekerjaan baharu (%)
	(000)	Sumbangan kapada jumlah (%)	(000)	Sumbangan kapada jumlah (%)			
Pertanian	1,350	52.1	1,454	49.5	104	1.5	29.7
Perlombongan	66	2.5	64	2.2	- 2	-0.6	-0.6
Perusahaan pembuatan	217	8.4	270	9.2	53	4.5	15.1
Pembinaan	90	3.5	103	3.5	13	2.7	3.7
Perkhidmatan ² elektrik, ayer dan kebersihan	16	0.6	19	0.6	3	3.5	0.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	101	3.9	110	3.7	9	1.7	2.6
Perdagangan	287	11.1	340	11.6	53	3.4	15.1
Perkhidmatan ²	463	17.9	580	19.7	117	4.6	33.4
Jumlah	2,590	100.0	2,940	100.0	350	2.6	100.0

* Data berkenaan dengan pekerjaan termasuk pekerja² yang berumur kurang dari 15 tahun dan lebih dari 65 tahun, di-anggarkan berjumlah 40,000.

itu, jumlah ahli profesional dan teknik telah bertambah lebeh dari sa-kali ganda, manakala ahli² pertukangan dan pekerja² memproses pengeluaran meningkat lebeh 50%. Tetapi jumlah pekerja² pertanian tidak banyak bertambah dan sumbangan bidang ini kapada jumlah pekerjaan turun dari 57% kapada 50%. Perubahan² ini membayangkan bertambah banyak-nya tenaga ra'ayat yang berpelajaran dan juga perubahan² straktur dan proses pembaharuan ekonomi.

286. Perkembangan sektor awam dalam tempoh ini memerlukan tenaga ra'ayat yang banyak dan bermutu tinggi, terutama sekali dalam bidang perkhidmatan² pelajaran dan kesihatan, dan juga urusan² penyelidekan dan perkhidmatan lanjutan pertanian. Perkhidmatan² ini juga memberi pekerjaan kapada lebeh ramai ahli² separoh profesional dan lain² tenaga ra'ayat yang mahir. Sementara itu selain daripada keperluan² yang timbul dari perkembangan² dalam bidang² ini, mereka yang mempunyai pelajaran dan latehan juga di-kehendaki untok memenohi kerja² kosong yang ada pada awal Ranchangan dan mengganti pekerja² asing. Banyak kerja² kosong maseh di-dapati di-peringkat teknik dan profesional. Angka² pekerjaan dalam tahun² 1962-67, ia-itu data yang boleh di-dapati bagi perkara ini, menunjukkan bahawa sektor awam ada-lah paling banyak menggunakan tenaga ra'ayat yang berkemahiran tinggi, manakala penggunaan-nya di-sektor² lain juga meningkat. Tambahan mutu kemahiran mungkin juga berlaku, terutama sekali dengan ada-nya ranchangan² latehan yang di-huraikan dalam Bab XIV.

287. *Penganggoran*. Usaha mengadakan pekerjaan² baharu tidak dapat menyaingi tambahan buroh yang banyak dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Oleh itu, penganggoran meningkat daripada kira² 180,000 atau 6.5% dari jumlah tenaga buroh pada awal Ranchangan, kapada lebeh kurang 250,000 atau 8% pada penghujung tahun 1970.

288. Penganggoran di-Malaysia Barat kebanyakan-nya terdapat di-kalangan belia². Lebeh 64% dari jumlah penganggor² dalam tahun 1962 berumor dalam lingkungan 15-25 tahun; menjelang tahun 1967, angka ini meningkat dengan chepat menjadi lebeh 75%. Penganggoran juga banyak di-dapati di-kalangan orang² yang baharu masok ka-dalam tenaga buroh. Sa-banyak 65% dari jumlah penganggor dalam tahun 1967 menchari kerja buat pertama kali, berbanding dengan hanya 47% dalam tahun 1962. Kadar penganggoran bagi mereka yang berumor 25 tahun ka-atas maseh rendah. Ini tidak pula berma'ana bahawa penganggoran di-Malaysia Barat hanya merupakan penganggoran mereka² yang baharu lepas sekolah yang mana dapat di-hapuskan apabila mereka meningkat umor kelak. Kenaikan

tenaga buroh yang chepat telah mengakibatkan kadar penganggoran yang lebeh tinggi di-kalangan belia², sehingga terdapat persimbangan dalam kenaikan kerja², kadar penganggoran yang tinggi ini akan meliputi juga lingkungan orang² yang berumor lebeh.

289. Dari segi kawasan, penganggoran juga berlaku di-kawasan² bandar di-mana kadar penganggoran ada-lah lebeh kurang 10%. Di-kawasan² ini kadar penganggoran belia ada-lah lebeh tinggi.

290. Di-samping penganggoran yang nyata dan dapat di-pastikan saperti di-binchangkan di-atas, sa-bilangan besar pekerja² ada juga terdapat dalam kegiatan² yang pengeluaran dan pendapatan-nya rendah. Dalam tahun 1967, hampir 11% dari jumlah pekerja² yang termasuk dalam gulongan "berkerja" di-laporkan bekerja kurang dari 25 jam sa-minggu. Orang² ini kebanyakan-nya bekerja kampong termasuk menangkap ikan dan menanam padi sa-kali sa-tahun dan juga dalam bidang perkhidmatan. Walau pun dengan bertambah-nya luas tanah² yang di-tanam dua kali sa-tahun dan pembangunan tanah sechara besar²an dan pelaboran² lain di-bidang pertanian dalam tempoh Ranchangan mungkin dapat mengurangkan kadar gunatenaga yang tidak penoh ini, tambahan buroh yang berlebehan sudah tentu akan menghadkan peluang² bagi sa-jumlah besar orang² ini untuk beraleh kapada pekerjaan yang lebeh produktif. Selain daripada penganggor² ini, maseh terdapat mereka² yang tidak termasuk ka-dalam gulongan tenaga buroh oleh sebab mereka tidak benar² berusaha menchari kerja tetapi sanggup menerima-nya jika di-beri. Sa-bahagian daripada 63,000 orang gulongan ini dalam tahun 1967 mungkin beraleh masok ka-pasaran buroh sekira-nya keperluan untuk buroh meningkat tinggi.

291. Perkembangan pesat dalam bidang pelajaran semenjak Merdeka juga mempunyai kesan kapada mutu pelajaran penganggor². Walau pun pekerjaan bertambah bagi mereka yang berpelajaran lebeh, penganggoran bagi orang² yang mempunyai pelajaran sa-puluh tahun atau lebeh bertambah hampir tiga kali dalam tahun² 1962-1967. Namun demikian, penganggoran di-kalangan mereka yang tidak berpelajaran turun lebeh dari separoh; ia-nya meningkat dengan kadar kurang dari satu pertiga bagi mereka yang mempunyai pelajaran rendah sahaja.

292. Analisa lanjut mengenai penganggor² dalam tahun 1967 menunjukkan kechenderongan dan harapan belia² yang menchari kerja nampak-nya berlainan sangat dengan jenis² pekerjaan yang di-tawarkan. Mithal-nya, lebeh ramai mereka yang menchari kerja chuba mendapatkan kerja² kerani

dan yang seumpama-nya dari jumlah kerja² yang ada dan kurang yang mencari kerja² pertanian dan buroh yang lain. Ramai belia lepasan sekolah terpaksa menerima pekerjaan² yang pada mula-nya tidak mereka chari atau pun fikirkan sesuai dengan taraf pelajaran atau kechenderongan mereka bagi mengelakkan diri dari menganggor terlalu lama. Implikasi² dari keadaan² ini untok pelaburan² selanjut-nya di-setengah² peringkat pelajaran, tujuan² dan sukatan² pelajaran serta perkhidmatan² penasihat vokeshen ada-lah di-binchangkan dalam Bab XIV.

2. MALAYSIA TIMOR

293. Maklumat² berkenaan dengan tenaga ra'ayat di-negeri² Malaysia Timor ada-lah kurang. Dari maklumat² yang ada, ada-lah di-anggarkan bahawa kadar kenaikan tenaga buroh di-Sabah dan di-Sarawak ada-lah tinggi, kira² 3.7% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama (*lihat* Jadual 7-2). Saperti di-Malaysia Barat, ini ia-lah hasil dari tambahan bilangan penduduk² dalam tahun² selepas perang. Di-Sabah pula, tenaga buroh tempatan bertambah dengan kemasokan pekerja² dari Malaysia Barat dan orang² dari negara² jiran saperti Indonesia dan Filipina.

294. Kadar kenaikan pekerjaan di-kedua² negeri ini ada-lah chepat, tetapi di-Sarawak maseh kurang dari kadar kenaikan tenaga buroh. Sebalek-nya, Sabah terus mengalami kekurangan besar dalam beberapa jenis buroh, termasuk pekerja² untok menjalankan perusahaan² getah dan membalak. Kedua² negeri ini boleh di-katakan menghadapi kekurangan tenaga buroh, tetapi Sarawak telah pun mengalami tanda² yang menunjukkan masalah penganggoran akan bertambah burok, terutama sekali di-kalangan orang² yang menchari kerja² pejabat. Pada keselurohan-nya, penganggoran di-Malaysia Timor mungkin tidak lebeh daripada 4% dari jumlah tenaga buroh dalam tahun 1970.

III.—TUJUAN² TENAGA RA'AYAT DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA

295. Ranchangan Malaysia Kedua bermula dengan penganggoran berjumlah lebeh kurang 275,000 orang. Selain dari itu, peluang² bekerja perlulah di-adakan bagi 645,000 orang² tambahan kapada tenaga buroh dalam tempoh lima tahun ini. Keadaan gunatenaga yang tidak penoh, terutama sekali dalam bidang pertanian dan perkhidmatan, merumitkan lagi masaa-lah yang di-hadapi oleh ekonomi. Perenggan² yang berikut menerangkan langkah² yang akan di-ambil dan setakat mana masaa-lah ini dapat di-selesaikan dalam tempoh ini.

296. Tujuan² gunatenaga dalam Ranchangan ia-lah untuk menambahkan lagi peluang² bekerja dengan seberapa chepat yang boleh, dan juga mengadakan pekerjaan yang lebeh produktif kepada mereka yang sekarang ini berada di-dalam kegiatan² yang berpendapatan rendah. Dengan ada-nya matlamat² pelaburan dalam Ranchangan dan langkah² tambahan bagi memberi pekerjaan, ada-lah di-ramalkan bahawa sekurang²-nya 596,000 kerja² baharu akan di-adakan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Matlamat ini ada-lah tambahan yang besar daripada 445,000 kerja² baharu yang telah dapat di-adakan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Ini bermaana bahawa lebeh dari 119,000 kerja² baharu sa-tahun dalam tahun² 1971-75 perlu-lah di-adakan, atau pun sechара purata 30,000 lebeh pekerjaan² baharu sa-tahun dari Ranchangan yang sudah. Langkah² akan di-ambil untuk menambahkan lagi jumlah pekerja² mahir yang sekarang ini sangat berkurangan, supaya dapat di-pertingkatkan lagi daya pengeluaran pekerja dan untuk membolehkan kemasokan lebeh ramai orang² Melayu dan bumiputra² lain ka-dalam lapangan pekerjaan moden yang lebeh tinggi pendapatannya.

297. Jadual 7-2 menunjukkan anggaran bagi tenaga buroh, pekerjaan dan penganggoran dalam tempoh Ranchangan. Sebagaimana di-nyatakan, tambahan tenaga buroh dalam tempoh lima tahun ini di-jangka lebeh chepat lagi daripada yang di-alami dalam tempoh lima tahun yang lepas. Tetapi di-Sabah dan Sarawak, kadar kenaikan yang luar biasa dalam jumlah tenaga buroh pada tahun² yang lepas di-jangka akan berkurangan. Bagi Malaysia Barat, walaupun ekonomi di-jangka akan berkembang dengan chepat dan pekerjaan² baharu juga akan bertambah dengan kadar yang lebeh tinggi dari masa² yang lepas, ia-itu 3.2% sa-tahun, kenaikan pekerjaan di-jangka tidak akan sa-imbang dengan tambahan tenaga buroh. Masaalah² yang sama mungkin juga di-hadapi di-Sarawak. Akan tetapi, kadar kenaikan pekerjaan bagi seluroh Malaysia ada-lah di-jangka akan sa-imbang dengan kadar kenaikan tenaga buroh. Oleh itu kadar penganggoran pada keselurohan-nya akan sama saperti dalam tahun 1970, ia-itu 7.3% dari jumlah tenaga buroh di-Malaysia.

IV.—STRATEJI GUNATENAGA

1. PERKEMBANGAN EKONOMI YANG PESAT

298. Kandongan pertama strateji gunatenaga dalam Ranchangan ia-lah menggalakkan perkembangan ekonomi yang pesat. Perkembangan ini akan berlaku kerana perkembangan dalam bidang awam dan perlaksanaan dasar²

JADUAL 7-2

TENAGA BUROH, PEKERJAAN DAN PENGANGGORAN, 1965-75

(000)

	1965	1970 (anggaran)	Tambahan 1966-70	Kadar tambahan purata tahunan (%)	1975 (matlamat)	Tambahan 1971-75	Kadar tambahan purata tahunan (%)
MALAYSIA							
Tenaga buroh	3,246	3,768	522	3.0	4,413	645	3.2
Pekerjaan	3,048	3,493	445	2.8	4,089	596	3.2
Penganggoran	198	275	77	6.8	324	49	3.3
Penganggoran sbg. % dari jumlah tenaga buroh	6.1	7.3	—	—	7.3	—	—
MALAYSIA BARAT							
Tenaga buroh	2,730	3,150	420	2.9	3,690	540	3.2
Pekerjaan	2,550	2,900	350	2.6	3,395	495	3.2
Penganggoran	180	250	70	6.8	295	45	3.3
Penganggoran sbg. % dari jumlah tenaga buroh	6.5	8.0	—	—	8.0	—	—
MALAYSIA TIMOR							
Tenaga buroh	516	618	102	3.7	723	105	3.2
Pekerjaan	498	593	95	3.5	694	101	3.2
Penganggoran	18	25	7	6.8	29	4	3.0
Penganggoran sbg. % dari jumlah tenaga buroh	3.5	4.0	—	—	4.0	—	—

untuk menambahkan lagi perkembangan dalam bidang swasta. Ada-lah di-jangka dengan perkembangan ekonomi pada keseluruhannya 6.5% setahun, dan di-sokong pula dengan adanya dasar² yang berpatutan dari segi belanjawan dan lain² yang berkaitan dengan pekerjaan, akan menghasilkan satu kadar purata perkembangan pekerjaan sekurang²-nya 3.2% setahun dalam tempoh ini.

299. Langkah² dasar akan di-bentuk sebegitu rupa untuk menggalakkan perkembangan yang pesat di-*bidang perusahaan moden*. Pengalaman di-masa yang lepas menunjukkan bahawa sektor ini mempunyai kadar pengambilan buroh yang tinggi jika di-bandingkan dengan bidang pertanian. Perkembangan pesat dalam bidang ini, di-samping memberi sumbangan kepada perkembangan pekerjaan dan juga mengadakan peluang² bekerja yang lebeh tinggi pendapatannya, ada-lah satu perkara yang akan membawa kesan baik kepada penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² lain dan juga tenaga buroh yang berpelajaran. Tumpuan khas akan di-beri melalui perkhidmatan teknik dan galakan chukai kepada perkembangan perusahaan² kechil dan eksport barang² buatan kilang dan separoh siap. Perhatian juga akan di-beri untuk menambah lagi peluang² pekerjaan dalam *perusahaan pembinaan* dan *perkhidmatan*², terutama sekali perkhidmatan pelanchongan, oleh kerana semua ini mempunyai kemungkinan peluang² pekerjaan yang banyak.

2. KEMAJUAN TANAH

300. Pembukaan kawasan² tanah untuk ranchangan² penempatan merupakan unsur penting dalam strategi Ranchangan bagi membasmi kemiskinan, dengan chara menambahkan lagi pendapatan di-kawasan² luar bandar dan memperkembangkan lagi bidang pekerjaan di-sektor pertanian. Butir² ranchangan ini di-huraikan dalam Bab IX dan hanya kesan² berkaitan dengan pekerjaan di-sebutkan di-sini. Tumpuan terhadap pembukaan tanah baharu ada-lah sangat penting supaya dapat mengambil kesempatan dari bahan² tanah yang banyak bagi mengadakan pekerjaan yang lebeh banyak lagi. Peluang² pekerjaan di-kawasan² tanah baharu di-anggap sebagai perkembangan penting dalam mempelbagaikan kerja² di-kawasan² luar bandar dan menjadikan-nya menarik dan berpendapatan lebeh. Tetapi sa-bahagian daripada peluang² pekerjaan ini mungkin akan memberi pekerjaan yang lebeh penoh bagi petani² yang sekarang tidak bekerja penoh dan ini juga ada-lah satu tujuan yang baik.

3. TAMBAHAN PENGGUNAAN BUROH

301. Beberapa langkah telah di-ambil seperti pembatalan chukai gaji dan pengawalan ketat kerja lebeh-masa untuk menggalakkan penambahan pekerjaan. Galakan yang di-beri kepada pelaboran² modal dan kesan

tindakan belanjawan kepada harga faktor² pengeluaran sedang di-kaji sa-mula supaya lebeh sesuai dengan penggunaan buroh. Chara² yang di-gunakan dalam ranchangan² awam sechara besar²an, saperti pembenaan jalan dan perumahan, juga sedang di-kaji dengan tujuan menambahkan lagi penggunaan buroh dalam ranchangan² ini. Dalam pembenaan Jalan Raya Timor-Barat, sa-bahagian besar kerja² sedang di-laksanakan dengan teknik² yang menggunakan buroh yang lebeh. Langkah² untok membolehkan penggunaan buroh yang lebeh akan di-bentok dengan chara yang sesuai, selaras dengan pengeluaran yang chekap dan perkembangan daya pengeluaran yang berterusan.

4. RANCHANGAN² PELAJARAN DAN LATEHAN

302. Langkah² yang akan di-ambil oleh Kerajaan untok meluaskan latehan perusahaan dan vokeshen serta meninggikan mutu ranchangan² pelajaran ada-lah di-binchangkan dengan lebeh mendalam dalam Bab XIV.

303. Kemajuan² dalam peringkat pelajaran dan kemahiran tenaga buroh yang berlaku dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama akan diperhebatkan. Jadual 7-3 menunjukkan bentok pelajaran anggota² baharu tenaga buroh di-Malaysia Barat.

JADUAL 7-3

BENTOK PELAJARAN ANGGOTA² BAHARU TENAGA BUROH, MALAYSIA BARAT, 1971-75

<i>Peringkat Pelajaran</i>	<i>Tahun menerima pelajaran</i>	<i>Laki²</i>	<i>Perempuan</i>	<i>Jumlah</i>	
				<i>(000)</i>	<i>(000)</i>
Pelajaran tinggi*	11+	30	15	45	6
Menengah atas	10-11	152	74	226	31
Menengah bawah	7-9	174	59	233	32
Pelajaran rendah	1-6	145	73	218	30
Tidak berpelajaran	0	3	3	6	1
	Jumlah	504	224	728†	100

304. Saperti terchatit dalam jadual, hampir 70% dari anggota² baharu tenaga buroh akan mempunyai pelajaran lebeh tinggi dari pelajaran rendah. Jumlah mereka yang berpelajaran menengah rendah akan bertambah paling chepat, ia-itu 12% sa-tahun, dan ini merupakan 15% dari jumlah buroh dalam tahun 1975. Kedua² latehan vokeshen dan latehan sambil bekerja, yang akan di-titekberatkan dalam Ranchangan, akan

* Termasok pelajaran tinggi sa-lepas menengah, Maktab dan Universiti.

† Tenaga buroh baharu di-anggarkan sa-banyak 728,000; tambahan berseh yang di-anggarkan, sa-telah di-tolak kematian, persaraan dan lain², ia-lah 540,000.

meninggikan lagi mutu tenaga buroh dan menambahkan lagi daya pengeluaran. Pekerja² Malaysia di-jangka akan merupakan satu faktor pengeluaran yang dapat menarek bakal² penanam modal di-negara ini.

305. Usaha² khas akan di-ambil untuk melateh, sama ada di-dalam atau di-luar negeri, tenaga buroh peringkat atasan dan mahir yang di-kehendaki untuk memenuhi keperluan pehak² awam dan swasta kerana kejayaan matlamat Ranchangan dan matlamat pekerjaan bergantung kepada mereka. Ada-lah di-jangka bahawa keperluan yang penting ia-lah dalam penye-lidekan dan perkhidmatan lanjutan pertanian, kejuruteraan dan kemahiran² yang berkaitan, guru² terlatah, pekerja² kesihatan dan kakitangan pengurusan.

306. Jadual 7-4 menunjukkan ringkasan anggaran keperluan *tenaga ra'ayat yang terlatah dalam bidang pertanian* di-Malaysia Barat, di-bandingkan dengan keluaran kakitangan dalam gulongan ini yang mendapat latehan tempatan.

JADUAL 7-4

ANGGARAN KEPERLUAN* DAN KELUARAN TENAGA RA'AYAT YANG TERLATEH DALAM PERTANIAN, MALAYSIA BARAT, 1971-75

Peringkat	Keperluan	Keluaran	Kekurangan
Pekerja ² profesional	620	580	40
Pekerja ² separoh profesional	1,750	1,120	630
Pekerja ² rendah	2,020	1,970	50

307. Keperluan pekerja² di-peringkat rendah mungkin dapat di-penuhi dalam tempoh ini dengan pengeluaran dari Sekolah² Pertanian; dan ranchangan² latehan khas bagi pembantu² luar dalam kerja² pembangunan tanah. Tetapi keperluan bagi kakitangan di-peringkat separoh profesional mungkin tidak dapat di-penuhi walau pun dengan pembesaran Kolej Pertanian, Serdang. Ranchangan² khas akan di-adakan untuk melateh tenaga ra'ayat di-peringkat separoh profesional dalam bidang pembangunan perhutanan, sains kaji-haiwan dan kemajuan ternakan. Kemudahan² yang terdapat di-Kolej Pertanian Serdang, Institiut Teknologi MARA dan Jabatan² berkenaan akan di-gunakan untuk menjayakan ranchangan² ini. Kechuali dalam kerja² penyelidekan, di-mana di-perlukan latehan selepas sarjana muda, keperluan untuk mendapatkan kakitangan profesional akan di-penuhi. Sa-bahagian daripada kekurangan ini akan dapat di-penuhi dari puncha luar negeri melalui ranchangan² bantuan teknik. Tetapi, kekurangan yang maseh di-dapati akan menghadkan kegiatan² IPKPM dan institiut² lain.

* Termasuk kerja² kosong yang ada pada hujung tahun 1970.

308. Kebolehan institusi² di-Malaysia bagi melatih kakitangan² kejuruteraan dan teknik telah di-perkembangkan dalam Rancangan Malaysia Pertama. Jumlah pelajar² yang akan memasoki dan keluar dari Fakulti Kejuruteraan di-Universiti Malaya dan pemegang² Diploma dari Maktab Teknik dan juru-teknik² dari Politeknik Ungku Omar akan di-tambah dalam Rancangan Malaysia Kedua. Sa-bahagian besar daripada siswazah² dalam bidang ini di-jangka akan mendapat latihan di-seberang laut. Satu penyiasatan sedang di-jalankan pada masa ini untuk mendapatkan butir² halus berkenaan chorak keperluan negara terhadap berbagai² golongan dan peringkat tenaga ra'ayat jenis ini. Apabila hasil penyiasatan ini di-perolehi, rancangan latihan bagi kakitangan jenis ini akan di-kaji sa-mula dan tindakan di-ambil untuk memastikan ada-nya kakitangan tersebut. Ada-lah di-jangka bahawa ramai juga orang² dari luar negeri akan di-ambil bekerja dalam masa ini.

309. Salah satu dari bidang² keperluan tenaga ra'ayat yang di-anggap penting ia-lah mengadakan guru² lepasan Universiti untuk mengajar di-sekolah² menengah atas dan lebih tinggi. Walau pun dalam masa Rancangan, kedua² Universiti Kebangsaan dan Universiti di-Pulau Pinang, selain dari Universiti Malaya, akan menambah keluaran guru² siswazah, pengeluaran bagi guru² jenis ini, terutama sekali untuk pelajaran ilmu sains, mungkin kurang daripada apa yang di-perlukan (*lihat* jadual 7-5). Keluaran dari maktab² latihan perguruan menengah akan dapat menolong mengisi kekurangan ini buat sementara waktu. Satu rancangan latihan dan pengambilan guru² dari seberang laut akan di-jalankan supaya perkembangan pelajaran yang di-ranchangkan untuk tempoh ini berjalan dengan memuaskan.

310. Keperluan bagi pekerja² yang berkemahiran teknik di-jangka akan terus wujud dalam tempoh Rancangan, terutama sekali memandangkan kepada tumpuan yang di-beri kepada perkembangan perusahaan dalam Rancangan. Keperluan bagi pekerja² di-anggarkan lebih kurang 7,000 sa-tahun menjelang tahun 1975. Strategi untuk memenuhi keperluan² ini mempunyai tiga unsur. Pertama, sistem pelajaran akan memberi tumpuan lebih kepada sains dan teknologi dan usaha mengadakan sedikit kemahiran sebelum bekerja. Kedua, satu usaha besar untuk mengadakan latihan perusahaan akan di-jalankan di-Institusi Latihan Perusahaan yang di-kelolakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Ra'ayat dan di-Sekolah² Latihan Vokeshen anjoran MARA. Akhir-nya, satu rancangan latihan sambil-bekerja yang di-uruskan dalam pertubuhan² perusahaan akan juga di-lancarkan dengan nasihat Majlis Penasihat Negara bagi Latihan² Perusahaan yang baharu di-tubuhkan. Butir² lanjut mengenai rancangan² ini di-bentangkan dalam Bab XIV.

JADUAL 7-5

ANGGARAN KEPERLUAN DAN KELUARAN GURU²
TERLATEH UNTUK SEKOLAH² MENENGAH, MALAYSIA
BARAT, 1971-75

	<i>Guru² latehan maktab</i>	<i>Guru² siswazah</i>		
		<i>Sastera</i>	<i>Sains</i>	<i>Jumlah</i>
Jumlah yang ada, 1970	15,238	1,468	700	2,168
Jumlah yang di-perlukan, 1970..	11,123	3,088	2,679	5,767
Lebehan (+)/kurangan (-) 1970	+4,115	-1,620	-1,979	-3,599
Keluaran 1971-75	987	2,550	2,266	4,816
Kehilangan* 1971-75	696	54	70	124
Jumlah yang ada 1971-75	4,406	876	217	1,093
Keperluan baharu 1971-75	3,311	1,070	2,025	3,095
Kelebehan (+)/kurangan (-) 1975	+1,095	-194	-1,808	-2,002

5. MOBILITI BUROH DAN PERKHIDMATAN² PEKERJAAN

311. Sementara Malaysia Barat menghadapi masalah lebehan buroh, Sabah terus mengalami kekurangan buroh separoh mahir dan buroh² kasar terutama sekali untuk bekerja dalam perusahaan² getah dan membalak. Pemindahan pekerja² dari Malaysia Barat ka-Sabah yang diranchangkan menerusi Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia merupakan satu bahagian penting dalam strategi gunatenaga Ranchangan ini. Lembaga ini, semenjak di-tubuhkan dalam tahun 1966, telah mengatorkan pemindahan seramai 5,000 pekerja, termasuk tanggongan² mereka, kebanyakan-nya untuk memenuhi keperluan² perusahaan ladang² di-Sabah. Dalam tahun 1971-75, Lembaga ini di-jangka menempatkan lebeh kurang 8,000 pekerja² di-Sabah, dan dengan ini, memenuhi juga keperluan bidang² lain.

312. Di-Malaysia Barat pula, dengan ada-nya tanah dan puncha² pengeluaran lain mungkin mewujudkan kemajuan yang pesat di-setengah² kawasan. Ada-lah jelas bahawa di-beberapa kawasan ini mungkin akan terdapat kekurangan buroh dari jenis² tertentu. Salah satu tujuan tegas ranchangan pembangunan kawasan ini ia-lah untuk memastikan supaya buroh² lebehan di-kawasan² yang kekurangan tanah dapat di-pindahkan bagi memenuhi keperluan ini sechara kemas dan terator.

* "Kehilangan" termasuk kematian, persaraan, perletakan jawatan dan sebab² lain.

313. Tugas² menyelaraskan penawaran dan keperluan pekerja² di-tempat² pekerjaan di-seluruh negara ada-lah tanggung-jawab pejabat² pekerjaan Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat. Peranan pejabat² ini sudah pun di-perkemaskan dan chara² menjalankan kerja telah di-ator serta kakitangan terlately di-adakan untok melichin perkhidmatan mendapatkan pekerjaan. Pejabat² ini menyedia dan menerbitkan maklumat² mengenai pekerjaan dan mengadakan perhubungan dengan perusahaan² dan institiut² latelyan. Ini memudahkan buroh bergerak dan maklumat terbaharu mengenai bidang² yang kekurangan pekerja dapat di-adakan.

6. RANCHANGAN² KHAS GUNATENAGA BELIA

314. Penganggoran di-Malaysia Barat kebanyakan-nya terdapat di-kalangan belia². Tertumpu-nya penganggoran di-kalangan mereka yang baharu memasoki pasaran buroh menunjokkan betapa besar-nya masalah yang di-hadapi oleh ekonomi untok mengadakan peluang² pekerjaan yang chukop bagi menampong penchari² kerja yang kian bertambah. Dalam keadaan yang demikian, kumpulan belia² yang menganggor ini merupakan kerugian puncha² keluaran negara yang sangat berharga dan juga satu keadaan sosial yang mungkin merbahaya. Beberapa jenis ranchangan baharu yang bertujuan untok memberi pekerjaan kepada belia² ini akan di-laksanakan dalam tempoh Ranchangan. Besar kemungkinan belia² ini akan di-ambil bekerja di-dalam berbagai perkerjaan berkaitan dengan pembukaan dan penyelenggaraan ranchangan² tanah, pembenaan jalan² dan infrastruktur lain, kerja² taliayer dan memelihara puncha² asli dan kerja² lain. Kemungkinan dalam kerja² ini sedang di-kaji dan perhatian di-beri juga terhadap perbekalan bantuan² makanan ajoran ranchangan² antarabangsa untok ranchangan² ini.

V.—MATLAMAT GUNATENAGA

315. Jadual 7-6 menunjokkan kenaikan pekerjaan yang di-anggar mengikut bidang di-Malaysia Barat.

316. Perkara yang paling menarek dalam chorak kenaikan pekerjaan yang di-jangkakan dalam masa lima tahun akan datang ia-lah hakikat bahawa bidang pertanian, yang mengadakan lebeh 49% dari jumlah pekerjaan dalam tahun 1970, di-anggar akan dapat mengadakan hanya 125,000 pekerjaan atau 25.3% dari pekerjaan baharu dalam tahun² ini. Ini berlaku walau pun keluaran dalam bidang ini di-jangka akan meningkat dengan kadar yang chepat, ia-itu lebeh 8% sa-tahun. Sebagaimana yang telah di-huraikan, bidang ini telah mengadakan hanya sa-bilangan kechil dari jumlah kerja² baharu pada masa² yang lampau. Sa-bahagian besar dari tambahan

JADUAL 7-6

ANGGARAN KENAIKAN PEKERJAAN, MALAYSIA BARAT,
1970-75*

Bidang	1970 (anggaran)		1975 (matlamat)		Tambahan 1971-75 (000)	Kadar tambahan purata tahunan (%)	Sumbangan kapada kerja baharu (%)
	(000)	Sumbangan kapada jumlah (%)	(000)	Sumbangan kapada jumlah (%)			
Pertanian	1,454	49.5	1,579	46.0	125	1.7	25.3
Perusahaan	456	15.5	594	17.3	138	5.4	27.9
Perlombongan	64	2.2	60	1.7	- 4	-1.3	-0.8
Perusahaan pembuatan	270	9.2	378	11.0	108	7.0	21.8
Pembinaan	103	3.5	133	3.9	30	5.2	6.1
Kemudahan ² awam	19	0.6	23	0.7	4	3.9	0.8
Perkhidmatan	1,030	35.0	1,262	36.7	232	4.1	46.9
Perdagangan	340	11.6	419	12.2	79	4.3	16.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	110	3.7	122	3.6	12	2.1	2.4
Perkhidmatan ² lain	580	19.7	721	21.0	141	4.4	28.5
Jumlah	2,940	100.0	3,435	100.0	495	3.2	100.0

* Data tentang pekerjaan termasuk pekerja² berumur kurang daripada 15 tahun dan lebih daripada 65 tahun.

keluaran dalam bidang ini di-jangka akan berpuncha daripada kumpulan tanaman² jenis kekal untuk ekspot di-mana tambahan pengeluaran boleh berlaku dengan tenaga buroh yang kechil. Bilangan orang² yang mengusahakan tanaman² untuk di-ekspot ini di-jangka akan meningkat lebeh kurang 1% sa-tahun, terutama sekali kerana bertambah luas-nya tanah yang di-majukan. Jumlah pekerjaan berseh yang di-jangka dapat di-adakan dalam kerja² pertanian yang lain, perhutanan dan perikanan ada-lah sukar di-anggarkan. Dalam kerja² menangkap ikan, menanam getah sa-mula dan menanam padi, kebanyakan dari kemajuan yang di-anggap itu mungkin hanya mengurangkan bilangan pekerjaan² gunatenaga yang tidak penoh dan tidak menghasilkan kerja² baharu. Mengenai kerja² baharu dalam bidang pertanian, kebanyakan dari peluang² ini akan timbul dari berbagai² ranchangan pembukaan tanah baharu. Kegiatan lain dalam bidang ini akan mengadakan lebeh kurang 30% dari jumlah pekerjaan.

317. Pekerjaan² baharu di-luar bidang pertanian akan menyumbangkan lebeh kurang tiga perempat dari jumlah tambahan pekerjaan. Tambahan pekerjaan yang terbesar di-jangka berlaku dalam bidang perkhidmatan di-mana lebeh dari 230,000 peluang² kerja di-jangka dapat di-adakan dalam tempoh ini. Bidang perusahaan di-jangka mengambil sekurang²-nya 138,000 lagi orang pekerja menjelang tahun 1975, dengan 108,000 dari jumlah ini di-ambil untuk kegiatan² perusahaan pembuatan. Tambahan kerja dalam kedua² bidang ini pada masa yang lepas telah dapat di-adakan dengan kadar yang memuaskan dan keadaan ini di-jangka akan bertambah baik dalam tahun² yang akan datang.

318. Harus di-ingati bahawa anggaran² di-atas mengenai pekerjaan² baharu dalam tempoh Ranchangan berasaskan matlamat² pelaburan modal yang minima saperti yang di-terangkan dalam Bab² yang terdahulu. Perhatian sedang di-beri kepada chara² mengatasi setengah dari masalah² yang menghalang ranchangan pelaburan modal yang lebeh besar.

VI.—PROSPEK JANGKA PANJANG

319. Tujuan² gunatenaga harus di-tinjau dari segi masa yang lebeh dari lima tahun. Pada masa sekarang kadar² tambahan tenaga buroh ada-lah sangat tinggi; oleh itu ada-lah sukar, walau pun bagi ekonomi² yang lebeh maju dari Malaysia, untuk mengelakkan dari lebehan buroh. Namun begitu, ada-nya puncha² asli yang lumayan dalam negara ini dan perkembangan ekonomi yang pesat, serta perubahan² straktur yang penting,

menunjukkan bahawa keadaan gunatenaga penoh dengan pendapatan purata yang tinggi boleh di-chapai di-Malaysia dalam sa-puluh tahun yang akan datang.

320. Rancangan² pelajaran dan latehan akan lebeh lagi di-sesuaikan dengan chorak permintaan buroh yang di-jangka. Sementara penambahan keluaran² dari bidang pelajaran jelas dapat meninggikan lagi kebolehan dan mutu tenaga buroh, perkembangan yang berlebehan di-peringkat pelajaran tinggi boleh mendatangkan masaalah² yang lebeh rumit, ia-itu penganggoran orang² terpelajar. Tujuan² Dasar Ekonomi Baharu bagaimana pun, memerlukan bidang² sistem pelajaran dan latehan di-kaji sa-mula bagi membolehkan lebeh ramai orang² yang sekarang ini maseh mundor beraleh kapada pekerjaan² moden yang lebeh produktif. Sistem pelajaran dan rancangan² latehan vokeshen memerlukan penyelarasan yang rapi untok mengelakkan kerugian tenaga guru² dan wang yang sememangnya terhad dan untok memenohi keperluan perusahaan² di-pehak awam dan swasta dengan lebeh berkesan lagi.

321. Kedua² tugas bagi menyaingi tambahan tenaga buroh yang chepat dan mengurangkan jumlah penganggoran yang besar merupakan satu beban berat kapada ekonomi. Kadar kenaikan tenaga buroh yang sekarang ini tinggi di-jangka akan terus berlaku sehingga akhir tahun² tujuh-pulohan. Kesan rancangan peranchang keluarga, yang di-lancharkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama, akan mula di-rasaï oleh tenaga buroh hanya dalam tahun² lapan-pulohan. Bagi menchapai dan mengekalkan keadaan gunatenaga penoh dengan taraf hidup ra'ayat yang tinggi, perhatian berat terhadap rancangan peranchang keluarga dan perkembangan perlu-lah di-teruskan.

322. Kemajuan² besar ekonomi luar bandar dan perkembangan pesat sektor² bandaran, bersama² dengan kekurangan kadar kenaikan tenaga buroh dalam jangka panjang, akan membawa ekonomi ka-peringkat gunatenaga penoh. Dengan ada-nya satu pasaran buroh yang ketat, serta rancangan² pelajaran dan latehan yang bertambah, skim keselamatan sosial dan faedah² lain, kemajuan² besar di-jangka akan berlaku terhadap taraf hidup pekerja² di-Malaysia, samaada pekerja² di-kawasan² bandar atau dalam bidang pertanian moden. Walau pun begitu, buat sementara waktu, strateji untok menchapai keadaan gunatenaga penoh memerlukan sikap, daya-pengeluaran dan kos² buroh di-Malaysia supaya menggalakkan pengusaha² tempatan dan luar negeri melabor modal. Dengan chara pelaboran saperti ini, maka dapat-lah di-adakan tambahan permintaan buroh yang di-perlukan.